

**BUDAYA MENULISKAN NAMA DENGAN “BIN” ATAU “IBNI”  
*THE CULTURE OF WRITING NAME EITHER “BIN” OR IBNI”***

*M. Husnan Lubis*  
University of Sumatra Utara  
Medan, Indonesia  
buyalais@hotmail.com

**ABSTRAK**

Agama Islam masuk ke Nusantara telah membawa pengaruh yang signifikan kepada penduduknya. Pengaruh itu antaranya ialah pemakaian nama-nama yang dipengaruhi oleh Islam. Penggunaan nama-nama yang Islami disuruh oleh Nabi Muhammad SAW. Penduduk Nusantara yang diberinama biasanya diikuti pula dengan nama ayahnya di hujung namanya. Penulisan nama ayah di hujung nama anaknya, selalunya diselangi dengan “bin” atau “ibni”. Namun, di antara kedua-dua ini manakah yang benar kita tuliskan, bin-kah atau ibni?. Tulisan ini membincangkan perkara ini, sama ada kita benar menuliskan “bin” atau “ibni” pada nama kita atau nama orang lain. Ini berdasarkan kaedah penulisan hamzah wasol dalam bahasa Arab.

Kata Kunci: Nama, Bangsawan, Bin, Binti, Bahasa

**ABSTRACT**

*The Islamic religion has brought significant influence to the people of the Malay Archipelago. One of the influences is the use of Islamic names. The use of Islamic names was encouraged by the Prophet Muhammad S.A.W. The people of the Malay Archipelago usually*

*have their names at the beginning and their father's name at the end with "bin" atau "ibni" placed in between the two names. This writing discusses this issue based on the writing method by hamzah wasol in the Arabic language.*

*Keyword: Name, Aristocrats, Bin, Binti, Language*

## **PENGENALAN**

Sesungguhnya agama Islam masuk ke Nusantara membawa banyak pengaruh dan perubahan. Perubahan yang dibawa Islam sungguh nyata dan jelas, antaranya perubahan dalam bidang aqidah kepercayaan dan peradaban. Ianya juga datang membawa rahmat dan budaya keselamatan bagi umatnya. Aqidah dan kepercayaan masyarakat Nusantara sebelum Islam ialah Animisme, Hindu dan Buddha, (A.Hasjmy:1978), telah berubah kepada Islam. Penduduk Nusantara menerima pengaruh dan perubahan yang dibawanya. Peradaban Islam yang sekarang tumbuh dan berkembang, telah menjadi sebatian dalam kehidupan masyarakat penganutnya. Orang-orang muslim selalu berusaha berbuat baik sepanjang hayatnya dan berusaha berbudaya sesuai dengan tuntutan agama dan tuntutan rasul junjungan.

### **Kesyumulan Agama Islam**

Agama Islam adalah agama yang sempurna dan syumul. Ini tidak dapat dinafikan oleh siapa pun yang beriman kepadanya. Agama Islam merupakan panduan dalam mengatur dan mengurus segala hal kehidupan sehari-hari. Tentang hal ini Allah sendiri memberikan jaminan dan pengakuan sesuai dengan firmanNya dalam al-Qur`an surah al-Maidah ayat 3 yang bermaksud: Pada hari ini telah aku sempurnakan bagi kamu agama kamu dan aku ridho agama Islam sebagai agama kamu. Ini bermakna, agama Islam membekalkan segala peraturan dalam segala lorong laluan yang benar bagi para pemeluknya. Islam tidak membiarkan pemeluknya berjalan hidup tertatih-tatih tanpa arah dan tanpa panduan dan

juga tujuan yang jelas. Justru dengan Islam, arah tujuan hidup muslim jelas dan terarah menuju keselamatan di dunia mahupun di akhirat. Siapa sahaja yang mengikuti arah dan panduannya tidak akan tersesat, sebaliknya ia akan sampai kepenghujung laluan dengan selamat. Indahya agama Islam, ialah ia dapat memberikan jalan dan cara penyelesaian segala masalah yang timbul di sepanjang laluan hidup, walau sekecil apapun masalahnya mesti ada solusi dan penyelesaiannya.

Manusia selalu sahaja dipenuhi dengan keperluan hidup dan keinginan yang beraneka ragam. Bahkan setiap orang tidak pula sama keperluan dan keinginannya. Ada sesetengah orang, suka dengan ilmu pengetahuan sehingga ia akan menghabiskan hidupnya dengan mencari ilmu. Golongan manusia muslim yang menceburi bidang ini, Islam memberikan galakan dan sokongan yang tinggi. Bahkan beberapa hadis nabi menyuruh dan mendorong umat Islam ke arah ini supaya senantiasa menuntut ilmu. Antara hadis yang menyuruh belajar menuntut ilmu ialah menyuruh menuntut ilmu daripada buaiyan sampai ke liang lahat.

Seterusnya, terdapat hadis yang menyuruh menuntut ilmu walaupun ia sampai ke negeri Cina sekalipun. Ini semua isyarat, bahawa Islam begitu meletakkan posisi ilmu pada asas yang sangat penting lagi tinggi bagi manusia muslim. Allah sendiri, juga memberikan pangkat dan penghargaan yang sangat tinggi kepada orang-orang yang berilmu. Ini dapat kita lihat dalam al-Qur`an surah al-Mujadalah ayat 11.

Dalam hal berkeluarga, Islam juga memberikan banyak panduan, panduan yang indah dan lengkap. Salah satu contoh kecil dalam keluarga; iaitu, perkara tentang pemberian nama kepada anak yang baharu lahir. Nabi Muhammad Saw. meninggalkan panduan bagi umat Islam tentang hal ini.

### **Nama Anak Baru Lahir**

Bagi umat Islam, apabila sahaja ada anak lahir, kegembiraan akan bertambah bagi kedua ibu-bapaknya begitu juga dengan saudara mara. Biasanya dalam masa-masa kegembiraan itu, ibu-bapa akan

mencarikan dan menabalkan nama bagi anak mereka. Bahkan jauh-jauh hari sebelum anak lahir, nama anak sudah disiapkan. Ini sama ada ia untuk anak lelaki mahupun anak perempuan. Tentang nama ini, Rasulullah Saw. pernah bersabda: “Namakanlah anak-anak kamu dengan yang baik-baik”. Hadis lain, Rasulullah pernah bersabda, disunatkan memberi nama-nama yang elok dan baik kerana Nabi s.a.w. bersabda;

“Sesungguhnya kamu sekalian akan diseur/dipanggil pada hari Kiamat dengan nama-nama kamu dan nama-nama bapa kamu. Oleh demikian, elokkanlah nama-nama kamu”.

(Riwayat Imam Abu Daud dari Abu Dardak r.a.)

Hadis-hadis ini mengisyaratkan tentang pemberian nama kepada anak dan nama ayahnya. Pada masa yang sama; merupakan panduan kepada umat Islam dalam pemberian nama kepada anak yang baharu lahir. Pemberian nama yang baik kepada anak adalah salah satu perkara yang amat penting dalam satu-satu keluarga. Sebab nama yang baik, merupakan do`a kepada orang yang punya nama, begitu juga sebaliknya dengan nama yang tidak baik. Selanjutnya, sudah menjadi satu kebiasaan atau satu budaya bagi orang Melayu meletakkan nama ayah di belakang nama anaknya. Selalunya orang Melayu menuliskannya sama ada ia dalam sijil kelahiran mahupun dalam perkara-perkara yang lain. Menuliskan atau meletakkan nama ayah di belakang nama anak selalunya diletakkan atau diselangi dengan perkataan “bin” atau ‘ibni”. Akan tetapi banyak juga orang yang tidak membuatnya, langsung menyebutkan nama ayah setelah nama anak. Ia tidak menuliskan bin-nya ataupun ibni-nya. Berkenaan dengan nama yang diletakkan dengan kata bin atau ibni, ini menyangkut dengan perkara huruf hamzah wasol dan cara-cara menuliskannya dalam kaedah tata bahasa Arab. Penulisannya mesti mengikut kaedah dan cara tata bahasa Arab yang sedia ada.

## Hamzah Wasol

Di antara huruf-huruf Arab, salah satunya ialah huruf Hamzah. Huruf hamzah pula ada dua; iaitu, hamzah wasol dan hamzah qot`i. Hamzah wasol ialah salah satu daripada huruf Arab yang bentuknya sama seperti huruf alif. Berkenaan dengan hamzah wasol ia diucapkan dan dibaca apabila ia berada di awal kata atau awal ayat. Ia pula (hamzah wasol) tidak dibaca dan digugurkan daripada ucapan apabila ia berada di tengah kata. Dengan kata lain hamzah wasol yang berbentuk alif ini, dapat menerima baris hanya ketika ia berada di awal ayat atau awal kata sahaja. Ia tidak dapat menerima baris apabila ia berada di tengah kata.

Ahmad al-Khuz, (1985) berkata: Hamzah wasol ialah huruf yang ditambahkan di awal kata untuk menghubungkannya dengan huruf yang mati, maka ia kita lafazkan atau kita ucapkan apabila ia berada di awal kata. Ia tidak dilafazkan atau dibaca apabila ia berada di tengah kata. Tentang hal yang sama George M. Abdulmasih, (1981:11) mengemukakan sebagai: "Dilafazkan di permulaan kata dan digugurkan di tengah kata". Menurut As-Salabi, (1959:78) pula; "Hamzah wasol ialah hamzah tambahan pada permulaan kata yang didatangkan untuk melepaskan permulaan kata yang berharakat (baris) sukun (mati)". Contoh kata (/ibnatun/ /ibnun/ /al-jaddu/al-jaddatu/ .

Ke empat-empat kata ini ialah kata-kata yang diawali dengan huruf hamzah wasol. Hamzahnya atau huruf awalnya akan dibaca hanya apabila ia berada di awal kata, akan tetapi ia akan digugurkan atau tidak dibaca apabila ia berada di tengah kata. Selanjutnya; hamzah wasol ialah huruf yang menghubungkan ucapan ketika hendak memulai mengucapkan atau membaca kata yang hamzah wasol berada di awal kata dan ia akan hilang daripada ucapan ketika letaknya berada di tengah kata semasa dibaca, (Abdul Alim Ibrahim, 1975:37). Pendapat yang sama oleh Fatimah AnNajjar, (1983:32); Dia (hamzah wasol) diucapkan dengannya pada permulaan kata dan tidak diucapkan dengannya apabila tengah bersambung dengan kata yang sebelumnya.

Pendapat daripada beberapa pakar bahasa Arab di atas memperlihatkan satu gambaran tentang pengertian daripada huruf hamzah wasol. Oleh itu pengertian dan kefahaman tentang hamzah wasol yang diambil, ialah; Huruf tambahan yang didatangkan untuk menghubungkan atau memulai sesuatu ucapan perkataan kerana ada huruf berbaris mati yang didapati sesudahnya. Kedudukan hamzah wasol dalam tulisan, ia tetap dituliskan di manapun ia berada sama ada ia di awal ayat atau di tengah ayat. Ia dibaca apabila ia berada di awal ayat dan ia gugur daripada ucapan (tidak dibaca) apabila ia berada di tengah ayat namun ia tetap berada dalam tulisan.

Huruf hamzah dalam ayat-ayat yang berasal daripada bahasa Arab banyak digunakan dalam bahasa Melayu sehari-hari. Penggunaannya dalam kata atau ayat kadang-kadang didapati di awal ayat dan di tengah ayat. Apabila ia (hamzah wasol) berada di awal ayat, ianya mesti ditulis dengan bentuk alif saja. Ia tidak boleh dituliskan atau menambahkan bentuk seperti ini di atasnya ataupun di bawahnya walaupun ia berbaris atas (fathah) ataupun berbaris depan (dommah). Begitu juga pada waktu ia berbaris bawah (kasroh). Ia semata-mata mesti dituliskan dengan bentuk alif sahaja, (al-Masih, 1981:12). Hal yang sama; Abdul Alim, (1975:42) berkata: "Hamzah wasol digambarkan dengan bentuk alif sahaja ertinya tidak ada di atasnya dan tidak ada di bawahnya bentuk huruf seperti ini ( ), sama ada posisinya berada di awal ayat seperti pada contoh:

inqosa`a s-sihabu/atau di tengah ayat seperti:)01!4,5- /mislu fi  
ittihadil-`arabi quwwatul lahum/ /Wal `itimadu `alan nafsi  
fadilatun/ amzah

yang didatangkan di awal ayat atau di awal kata, biasanya untuk melepaskan kata itu daripada permulaan hurufnya yang berbaris mati. Pada contoh-contoh di atas, huruf-huruf mati yang di maksudkan ialah sin pada kata as-sihabu, huruf lam (<) pada kata al-arabi dan huruf nun pada an-nafsi. Apabila hamzah ini dipakai atau digunakan sebagai pelepas daripada kata yang dimulai dengan huruf yang berbaris mati, maka hamzah itu akan dituliskan tetap

sebagai bentuk alif. Contoh; (ibnatun/ibnun/al-jaddu/jaddatu/Huruf-huruf awal pada contoh-contoh di atas semuanya hamzah wasol yang tidak ada dituliskan apa-apa di atasnya. Akan tetapi daripada kesalahan-kesalahan yang sering dijumpai, banyak ditemukan yang menuliskan bentuk seperti ini di atas alif yang diawali dengan hamzah wasol. Ini terjadi sewaktu hamzah itu berbaris atas (fathah) dan berbaris depan (dommah). Begitu juga dituliskan bentuk seperti ini ( ) ini di bawah alif sewaktu ia berbaris bawah. Kesalahan-kesalahan semacam ini mungkin tidak disadari oleh banyak orang sehingga dalam menggunakan dan menuliskan hamzah tidak dilihat dan difikirkan sama ada ia hamzah wasol ataupun hamzah qot`i. Daripada kesalahan-kesalahan yang jumpai seperti pada contoh: /Ijtama`at hayatul ittihadil istirokiy/(/Asy syu-unil ijtima`iyati/ atau contoh: /uzkur sababi kaza/aiyyati/ (Abdul Alim, 1975:42-43).

### **Hamzah Wasol di Tengah Kalimat.**

Dalam perbincangan sebelum ini telah dibincangkan bagaimana cara menuliskan hamzah wasol di awal ayat. Menuliskan hamzah wasol di tengah ayat tidak jauh berbeza dengan cara menuliskan hamzah di awal ayat. Hamzah wasol yang ditulis di awal ayat bentuknya tetap sama seperti alif dan selamanya dibaca dan tetap dalam tulisan. Namun apabila hamzah ini sudah berada di tengah ayat, ia tetap ditulis seperti halnya waktu berada di awal ayat. Akan tetapi ia tidak dibaca atau tidak diucapkan lagi. Dalam hal ini, George M. Abdulmasih, (1981:13) memberi pendapat: Hamzah wasol ditulis dan tidak dibaca apabila ia berada di tengah ayat. Contohnya ialah;  
/Syurtutul mawaniy/Amul qahti/

Semua contoh-contoh yang diperlihatkan di atas ialah posisi hamzah wasol yang berada di tengah ayat yang ia gugur daripada bacaan atau tidak dibaca. Di samping itu hamzah wasol yang terdapat di tengah ayat selamanya ditulis atau kekal dalam tulisan. Akan tetapi kadang-kadang ia mesti dibuang sama ada ia dalam

tulisan mahupun dalam ucapan. Ini berlaku pada kata ibnu dan ibnatun.

### **Hamzah Wasol Pada Kata “IBNU” dan “IBNATUN”**

Hamzah pada kata ibnu dan ibnatun ialah hamzah hamzah wasol. Kedudukan hamzah wasol pada dua kata ibnu (إِبْنُ) dan ibnatun mempunyai satu keistimewaan berbanding dengan hamzah ini apabila terdapat pada kata lain. Hamzah wasol pada kedua-dua kata ini adakalanya ia mesti dibuang dan ada kalanya ia mesti tetap ditulis.

Dalam hal ini Ahmad Abu Sai`d, (1983:40) menjelaskan Hamzah pada kata ibnu ia mesti dibuang; iaitu, apabila jatuh pada sifat mufrodatan (tunggal) antara dua alam. Yang dimaksud dengan dua alam ialah dua nama; seperti :

“Said bin Karim” dan Kuniyah yang terkenal seperti: Muawiyah bin Abi Saufyan.

1- dan Laqob yang masyhur seperti: Hasyim bin Zainal Abidin (إِبْنُ هَاشِمِ بْنِ عَبْدِ مَنَافٍ) Lafaz ibnu yang berada di antara dua nama; iaitu, Sa`id dan Karim, mesti dibuang huruf hamzahnya. Ini kerana kata ibnu berada di antara dua alam; iaitu, isim atau nama. Selajutnya, kata yang berada sebelum kata ibnu tidak boleh ditanwinkan (baris dua); iaitu, lafaz Sa`id.

Seterusnya, huruf hamzah yang terdapat pada kata ibnu, tetap dituliskan hamzahnya walaupun ia berada di antara dua nama dengan syarat; apabila kata ibnu ini berada di awal baris atau ayat sewaktu menuliskannya. Maksudnya apabila kita, umpamanya mahu menuliskan satu ayat yang agak panjang, di dalam ayat itu ada terdapat kata seperti Said bin Karim. Kemudian kata terakhir di ujung (baris) daripada ayat itu ialah Said, manakala kata bin dan Karim sebagai baris baru selanjutnya, ia akan berada di awal ayat selanjutnya; iaitu, kata ibnu . Kata ini sudah pasti berada pada kedudukan kata awal dalam baris baru ayat tersebut. Ini hamzahnya yang telah dibuang mesti didatang semula walaupun



kata ibnu itu berada di antara dua nama; iaitu, Said dan Karim. Selanjutnya, tentang hamzah pada kata ibnatun boleh dibuang. Apabila huruf hamzah dalam kata ini dibuang, huruf ta marbutohnya mesti diganti dengan huruf ta panjang. Tentang hal ini; Ahmad Abu Sai`d, (1983:40) menjelaskan sebagai berikut: Ibnatun B dituliskan dengan alif dan dengan ta marbutoh, contoh: Hindun ibnatu Kholili , boleh dibuang alifnya, akan tetapi setelah alifnya dibuang, ta marbutohnya mesti digantikan dengan dengan ta panjang, Contoh: Hindun binti Kholil.

Oleh itu kata ibnatun ditulis dengan huruf alif dan ta marbutoh, contoh: Hindun ibnatu Kholili. Akan tetapi apabila kata ibnatun yang terdiri daripada huruf awalnya hamzah wasol dan huruf terakhirnya huruf ta marbutoh, mesti dirubah bentuk ta marbutohnyamenjadi huruf ta panjang, ini apabila huruf awalnya; iaitu, hamzahnya dibuang. Perkara ini berlaku sebagai syarat untuk membuang hamzah wasol yang terdapat di awal kata tersebut. Akan tetapi kalau ta nya tetap dengan ta marbutoh, maka huruf hamzah yang di awal kata juga mesti tetap dituliskan, dengan kata lain tidak boleh dibuang satu di antara kedua-duanya atau sebaliknya.

## **KESIMPULAN**

Dalam kebiasaan dan budaya masyarakat kita, banyak kita jumpai yang menuliskan namanya diiringi dengan nama ayahnya sekali. Ini sama ada ia lelaki mahupun perempuan. Bagi lelaki ada sebahagiannya yang menuliskan bin dan ada sebahagian yang lain menuliskan ibni. Bagi pihak perempuan pula demikian, ada yang menuliskan binti sebelum nama ayahnya. Penulisan binti sebelum nama ayahnya tidak ada masalah atau kesalahan yang kita jumpai setakat ini. Akan tetapi penulisan nama lelaki banyak yang salah menuliskan. Sesuai dengan perbincangan di atas bahawa nama yang ditulis dengan menggunakan ibni kemudian dilanjutkan dengan nama ayahnya, atau ibni di antara dua nama; adalah salah. Sebagai contoh penulisan nama yang salah ialah : Sultan Saladin ibni AlMarhum Sultan Salamuddin. Ini adalah cara penulisan nama

(ibni) yang salah. Penulisan nama yang betul ialah: Sultan Saladin bin AlMarhum Sultan Salamuddin. Terdapat satu kebiasaan yang dapat kita lihat, yang mana penggunaan kata ibni selalunya dipakai oleh kaum bangsawan atau raja-raja. Manakala kaum kebanyakan biasanya ia tetap menggunakan atau menuliskan kata bin sahaja bukan ibni sebelum nama ayahnya. Kenapa kebiasaan seperti ini berlaku? kita perlu membuat satu kajian tambahan untuk menjawab pertanyaan ini.

## **RUJUKAN**

- A.Salabi, (1959). Gramatika Bahasa Arab. Bandung: al-Ma`arif.
- Abdul Alim Ibrahim, (1975). Al-Imlau Wattarqim. Cairo Mesir: Maktabatu Garib.
- Abdul Hadi al-fadly, (1984). Mukhtasor Nahwi. Jeddah, Arab Saudi: Darus Syuruq.
- Abdur Rajahi, (1983). Durusul Fil `l`rob. Beirut, Lebanon: Darun Nahdoh al-Arabiyah.
- Abdullah Sulaiman al-Jurbu`, (1985). Ta`limul Arobiyah Ligoj Naqina Biha. Makkah: Ummul Quro.
- Abdullah bin Nuh dan Oemar Bakry,(1974). Kamus Indonesia ArabInggeris. Jakarta: Mutiara.
- Ahmad Abu Sa`id, (1983). Dalilul l`rob wal Imlai.Beirut: Lebanon
- Ahmad al-Khuz, (1984). Qisosul `l`rob. Damaskus: Syria.
- Hasjmy, (1978). Bunga Rampai Revolusi Dari Tanah Aceh. Jakarta: Bulan Bintang.
- Fatimah an-Najjar, (1983). Al- Muwajahtu Fil Imlai. Jeddah: Darul Bayanil Arabi.
- Muhsin Salim al-Amiry, (1985). Muqoddimah fin Nahwi. Makkah: Ummul Quro.
- Mukhtar Yahya, (tt). Qowaidul Imlail Arabiy. Jakarta: Wijaya.
- Moch. Anwar, (1981). Matan al-fiyah. (terjemahan). Bandung: AIMa`arif.
- Muhammad Muhyiddin dan Ahmad Abdu, (1965). Syarah Ibnu Aqil. Beirut: Darul Kitabil Arabiy.

Mu`ti Jabir al-Ka`rawy, (1980). Kayfa Ta`limul `l`rab. Bagdad, Iraq:  
Maktabah Nahdoh.

Yoesoef Sou`ayb, (1978). Pelajaran Tata Bahasa Arab. Jakarta: Bulan  
Bintang.